

# GARIS PANDUAN HUKUM MEMANCING DI KOLAM BERBAYAR

---

## 1. TUJUAN

- 1.1. Garis panduan ini disediakan sebagai panduan kepada pihak-pihak yang terlibat dalam aktiviti memancing di kolam berbayar sama ada sebagai pemancing atau pun penyedia perkhidmatan. Ia juga boleh dijadikan panduan kepada penguatkuasa bagi memastikan aktiviti ini dilaksanakan secara patuh Syarak.

## 2. PENDAHULUAN

- 2.1 Antara aktiviti perniagaan yang sedang berkembang luas pada masakini ialah perkhidmatan kolam memancing ikan berbayar bagi mereka yang berminat.
- 2.2 Aktiviti memancing di kolam memancing berbayar boleh didapati dalam pelbagai bentuk seperti yang berikut:

### 2.2.1 Bentuk Pertama

Pemancing membayar sejumlah wang kepada penyedia perkhidmatan bagi melakukan aktiviti memancing; sama ada pemancing mendapat hasil ikan atau tidak, wang tersebut tetap tidak dikembalikan. Namun, jika pemancing mendapat hasil tangkapan ikan maka, ikan tersebut menjadi miliknya.

### 2.2.2 Bentuk Kedua

Pemancing membayar sejumlah wang kepada penyedia perkhidmatan bagi melakukan aktiviti memancing; sama ada pemancing mendapat hasil ikan atau tidak, wang tersebut tetap tidak dikembalikan; jika pemancing mendapat hasil tangkapan ikan yang kurang daripada timbangan berat tertentu maka, ikan

tersebut menjadi miliknya; jika melebihi timbangan yang ditetapkan ikan tersebut hendaklah dilepaskan semula dengan diberikan bayaran.

### 2.2.3 **Bentuk Ketiga**

Pemancing membayar sejumlah wang kepada penyedia perkhidmatan bagi melakukan aktiviti memancing; sama ada pemancing mendapat hasil ikan atau tidak, wang tersebut tetap tidak dikembalikan; pada masa yang sama ditawarkan menyertai pertandingan antara para pemancing. Bagi melayakkan pemancing menyertai pertandingan (peraduan *jackpot*) maka, pemancing perlu membuat bayaran tambahan. Pemenang akan dibayar dengan jumlah tertentu, berasaskan timbangan tertentu mengikut tempoh tertentu sepertimana yang disyaratkan oleh penyedia perkhidmatan.

### 2.2.4 **Bentuk Keempat**

Pemancing membayar sejumlah wang kepada penyedia perkhidmatan bagi melakukan aktiviti memancing; sama ada pemancing mendapat hasil ikan atau tidak, wang tersebut tetap tidak dikembalikan tetapi pemancing diberikan imbalan dan habuan tertentu seperti seekor ayam dan sebagainya.

### 2.2.5 **Bentuk Kelima**

Pemancing membayar sejumlah wang kepada penyedia perkhidmatan bagi melakukan aktiviti memancing; sama ada pemancing mendapat hasil ikan atau tidak, wang tersebut tetap tidak dikembalikan; pada masa yang sama disediakan aktiviti sampingan seperti berkaraoke dan lain-lain.

- 2.3. Faktor utama bagi sebahagian pemancing menyertai aktiviti memancing ini ialah sama ada bagi mendapatkan hasil ikan atau sebagai hobi. Sebahagian yang lain pula berhasrat bagi mendapatkan hadiah

daripada pertandingan *jackpot* dengan nilai mingguan yang boleh mencecah RM600 atau nilai bulanan yang boleh mencecah RM3000.

### 3. RASIONAL

- 3.1. Isu yang timbul daripada aktiviti memancing seperti ini ialah penentuan prinsip Syarak yang sesuai iaitu sama ada ia adalah *ju'alah* (ganjaran), atau *ijarah* (upah perkhidmatan) atau *maysir* (judi) atau *qimar* (pertaruhan) atau *musabaqah* (pertandingan).
- 3.2. Pandangan yang pelbagai dalam kalangan agamawan berkaitan hukum aktiviti ini. Kegiatan ini juga telah tersebar dalam kalangan masyarakat khususnya para peminat aktiviti memancing. Hal ini menyebabkan wujud kekeliruan dalam kalangan masyarakat berkaitan hukum aktiviti ini.
- 3.3 Ada pandangan yang mengatakan bahawa aktiviti ini adalah berasaskan kontrak *Ijarah*. Wang yang dibayar oleh peserta kepada penyedia perkhidmatan adalah upah ke atas penyediaan perkhidmatan memancing termasuk bayaran utility, penyediaan fasiliti, penyelenggaraan dan lain-lain.
- 3.4 Ada pandangan yang mengatakan aktiviti ini mengandungi unsur-unsur haram seperti *gharar*, *qimar*, *maysir* dan *ghish*.
- 3.5 Aktiviti ini dikaitkan dengan *maysir* kerana adanya aktiviti pertandingan yang melibatkan hadiah. Pemancing akan membayar sejumlah wang kepada penyedia perkhidmatan dan penyedia perkhidmatan akan mengishtiharkan pemenang secara mingguan atau bulanan.
- 3.6 Aktiviti ini juga dikaitkan dengan *ghish* kerana kemungkinan penyedia perkhidmatan tidak mengemukakan tawaran yang jelas atau melakukan perbuatan yang memastikan peserta tidak mendapat ikan seperti memberi makan terlebih dahulu kepada ikan.

- 3.7 Aktiviti ini dikaitkan dengan *gharar* kerana bayaran yang dibuat oleh pemancing ialah semata-mata sebagai harga belian terhadap ikan yang tidak diketahui samada berjaya dipancing atau tidak.
- 3.8 Namun begitu, garis panduan ini memutuskan bahawa *takyif fiqhi* yang sesuai dengan aktiviti ini ialah kontrak ijarah iaitu penyediaan perkhidmatan. Hukumnya adalah harus selagimana kesemua peruntukan dalam garis panduan ini dipenuhi. Jika tidak, akan berlaku unsur-unsur haram yang disebutkan di atas.

#### 4. TAFSIRAN

- 4.1. *Ju'alah*: akad yang mewajibkan imbalan yang tertentu bagi pekerjaan tertentu atau pekerjaan tidak tertentu yang sukar untuk diketahui (Al-Syarbini, *al-Iqna'*. J.2 h. 20). Reward, payment, wages (Qal'ahji, *Mujam Luhghah al-Fuqaha'*, h. 143)

التزام عوض معلوم على عمل معين معلوم أو مجهول عسر علمه

Maksudnya: Beriltizam untuk memberikan imbalan yang diketahui ke atas pekerjaan tertentu yang diketahui atau tidak diketahui kerana sukar untuk diketahui.

- 4.2. *Ijarah*: pemilikan sesuatu manfaat dengan imbalan (Al-Nawawi. 1991. *Rawdhah al-Talibin*. Beirut: al-Maktabah al-Islami. J.5 h.208 ).

تمليك المنافع بعوض

Maksudnya: Memberi milik manfaat-manfaat tertentu berserta imbalan.

- 4.3. *Musabaqah*: bersegera kepada sesuatu bagi mendahului orang lain untuk mendapatkannya.

الإسراع إلى الشيء ليحصل التقدم على الغير في الوصول إليه.

Maksudnya: Bersegera kepada sesuatu untuk mendahului orang lain sampai kepadanya.

4.4. Persamaan antara *musabaqah* dan *ju'alah* boleh dilihat dari sudut kedua-duanya mempunyai ganjaran dalam sesuatu pertandingan atau sejumlah harta yang diputuskan oleh pengupah atau penganjur bagi sesiapa yang melakukan sesuatu pekerjaan yang dikehendaki. Kedua-duanya tidak melibatkan penipuan atau *qimar*, tetapi sekiranya terdapat unsur-unsur yang boleh membawa kepada *qimar*, *maysir* dan *ghish*, maka ia tidak boleh lagi dikategorikan sebagai *musabaqah* atau *ju'alah* (Azman Abd Rahman, Pertandingan Kontemporari, h. 31).

4.5. Qimar / Maysir: Semua permainan yang disyaratkan pemenang akan mengambil sesuatu daripada yang kalah (Qal'ahji, Mujam Luhghah al-Fuqaha', h. 337).

كل لعب يشترط فيه أن يأخذ الغالب من المغلوب شيئاً تعليق الملك على الخطر و المال من الجانبين

Maksudnya: "Setiap permainan yang disyaratkan di dalamnya bahawa pemenang mesti mengambil sesuatu daripada pihak yang kalah.

Lalu Menta'liqkan pemilikan (sesuatu) ke atas pekerjaan yang berbentuk ketidakpastian (risiko) sedangkan wang adalah daripada kedua-dua pihak yang menyertai pertandingan."

4.6. *Jack pot*: Istilah yang diguna pakai bagi menunjukkan pertandingan yang dianjurkan oleh penyedia perkhidmatan dengan menyediakan ganjaran tertentu untuk tempoh tertentu dengan syarat tertentu.

## 5. GARIS PANDUAN

5.1 Secara asasnya kriteria- kriteria yang mesti dielakkan adalah sebagaimana yang berikut:

a. Eksploitasi

- b. Kesamaran (الغرر)
- c. Perjudian (القمار)
- d. Penipuan (الغش)
- e. Perkara maksiat

5.2           Garis panduan berkaitan yuran pendaftaran dan caj tambahan:

- a.           Penyedia perkhidmatan mestilah menyatakan dengan jelas yuran pendaftaran yang dikenakan dan tujuan yuran tersebut dikenakan iaitu bagi perkhidmatan menyediakan dan menyelenggara fasiliti kolam pancing.
- b.           Penyedia perkhidmatan tidak boleh mengenakan sebarang caj tambahan kepada pemancing bagi melayakkan mereka menyertai sebarang pertandingan *jack pot* atau seumpamanya.

5.3           Garis panduan berkaitan terma perkhidmatan yang jelas:

- a.           Penyedia perkhidmatan hendaklah menyatakan terma dan syarat perkhidmatan yang jelas dan tidak bertentangan dengan Syarak. Semua bayaran adalah bagi tujuan penyediaan perkhidmatan seperti perkara-perkara berikut; khemah memancing, kerusi, pencahayaan, fasiliti utiliti dan penyelenggaraan.
- b.           Terma dan syarat mestilah dapat diakses sepenuhnya oleh pelanggan dengan jelas melalui papan tanda di premis, media elektronik atau seumpamanya yang diterima umum.
- c.           Terma dan syarat mestilah jelas, mudah difahami serta tidak mengelirukan masyarakat awam dan tidak bertentangan dengan Syarak.
- d.           Penyedia perkhidmatan kolam perlu menyatakan dengan jelas had dan tempoh masa bagi setiap bayaran perkhidmatan .

- 5.4 Garis panduan berkaitan pertandingan ganjaran/ hadiah:
- a. Aktiviti memancing di atas tidak boleh dinamakan dengan nama yang mempunyai *shubhah* seperti *jack pot* yang mempunyai persamaan dengan kegiatan judi.
  - b. Hadiah peraduan yang disediakan oleh pihak penganjur mestilah daripada sumber yang halal.
  - c. Hadiah peraduan tidak boleh diambil daripada kumpulan wang peserta melainkan apabila ada *muhallil* yang mencukupi syaratnya.
  - d. Hadiah yang disediakan oleh pihak penganjur mestilah bernilai, bermanfaat dan memenuhi spesifikasi yang telah dinyatakan di dalam terma dan syarat peraduan.
  - e. Hadiah peraduan hendaklah disediakan terlebih dahulu sebelum sesuatu peraduan dijalankan bagi mengelakkan timbulnya sebarang unsur penipuan.
  - f. Tempoh dan waktu penyerahan hadiah kepada peserta mestilah ditetapkan dan dinyatakan di dalam terma dan syarat peraduan dengan jelas.

5.5 Garis panduan berkaitan fasiliti

- a. Penyedia perkhidmatan tidak boleh menyediakan perkhidmatan yang melibatkan perkara-perkara yang bertentangan dengan Syarak seperti menghidangkan arak, aktiviti karaoke yang bercanggah dengan Syarak dan lain-lain.
- b. Fasiliti tersebut mestilah hakiki, munasabah dan sesuatu yang dihajati.

5.6. Berdasarkan garis panduan di atas, status kepatuhan Syarak bagi kesemua bentuk aktiviti kolam pancing seperti di para 2.2 adalah sebagaimana berikut:

5.6.1. Bentuk Pertama adalah harus dan ikan yang berjaya diipancing boleh diambil oleh pemancing sebagai hadiah daripada pemilik kolam pancing.

5.6.2. Bentuk Kedua adalah harus dan ikan yang berjaya diipancing boleh diambil oleh pemancing jika timbangannya adalah kurang daripada berat tertentu sebagai hadiah bersyarat (hibah mu;allaqah) daripada pemilik kolam pancing. Syarat untuk melepaskan ikan yang melebihi timbangan berat tertentu dengan diberikan bayaran tertentu juga adalah harus kerana ia juga adalah satu bentuk hadiah daripada pemilik kolam pancing.

5.6.3. Bentuk Ketiga boleh dibahagikan kepada tiga kategori berikut:

1. Jika hadiah pertandingan disumbangkan oleh pihak lain (pihak ketiga) maka hukumnya adalah harus kerana tiada unsur perjudian.
2. Jika hadiah pertandingan adalah daripada bayaran yang dibuat oleh peserta tanpa penyertaan muhallil, maka hukumnya adalah haram. Aktiviti ini menyalahi para 5.4 garis panduan ini.
3. Jika hadiah pertandingan adalah daripada bayaran yang dibuat oleh peserta tetapi pertandingan ini melibatkan penyertaan muhallil yang memenuhi syarat-syaratnya, maka hukumnya adalah harus kerana tiada unsur perjudian.
4. Tidak dibenarkan menggunakan wang bayaran penyertaan yang di kutip dari peserta untuk di jadikan hadiah bagi sesuatu pertandingan samada keseluruhannya atau

sebahagiannya.hadiah mestilah di sumbangkan oleh  
Muhallil (pihak luar)

5.6.4. Bentuk Keempat adalah harus kerana imbalan atau habuan  
diberikan sebagai hadiah daripada penyedia perkhidmatan.

5.6.5. Bentuk Kelima adalah harus kerana aktiviti sampingan seperti  
berkaraoke dan lain-lain yang disediakan adalah termasuk dalam  
perkhidmatan yang telah dibayar oleh pemancing dengan syarat  
aktiviti karaoke tersebut tidak bercanggah dengan Syarak.

## 6. DALIL / HUJAHAN

6.1. Penentuan akad: Bagi aktiviti yang dibincangkan ini, akad yang sesuai adalah  
akad ijarah. Ini bermaksud pemancing mendapat manfaat daripada bayaran  
yang diberikan kepada penyedia perkhidmatan sebagai imbalan. Manfaat yang  
diterima oleh pemancing adalah sama ada:

- a.. fasiliti yang disediakan oleh penyedia perkhidmatan. (Manfaat Utama)
- b. mendapat tangkapan ikan hasil daripada pancingan.
- c. hadiah daripada tangkapan ikan.
- d. keseronokan dan ketenangan ketika memancing.

6.2. Manfaat yang selaras dengan hukum Syarak, bersesuaian dan menjadi asas  
kepada manfaat-manfaat yang lain di atas ialah manfaat fasiliti yang disediakan  
oleh penyedia perkhidmatan. Manfaat (b), (c) dan (d) adalah dikira tabi' kepada  
manfaat (a). Justeru itu, manfaat (a) di sini ialah matbu' iaitu manfaat yang  
menjadi asas kepada manfaat yang lain. Ini selari dengan kaedah fiqah yang  
menyebut (al-Suyuti, 1990. J. 1, H. 117):

التابع تابع

Maksudnya: Sesuatu yang (sifatnya) mengikut (perlu mengikut hukum yang  
sama)

Manakala manfaat (b), (c) dan (d) adalah manfaat sampingan bersifat tawabi'  
yang dimaafkan sekiranya berlaku ketidakjelasan dan ketidakpastian (gharar)  
seperti di dalam kaedah fiqah (al-Suyuti, 1990.. J. 1, H. 117, 120) berikut:

يغْتَفِرُ فِي التَّوَابِعِ مَا لَا يَغْتَفِرُ فِي غَيْرِهَا

Maksudnya: Dimaafkan bagi yang (bersifat) mengikut sesuatu yang tidak dimaafkan bagi yang bukan (bersifat mengikut).

يَغْتَفِرُ فِي الشَّيْءِ ضَمْنَا مَا لَا يَغْتَفِرُ فِيهِ قَصْدًا

Maksudnya: Dimaafkan bagi sesuatu yang bersifat sebahagian (daripada sesuatu) apa yang tidak dimaafkan bagi sesuatu yang bersifat dimaksudkan (tujuan utama).

التَّابِعُ لَا يُفْرَدُ بِالْحُكْمِ

Maksudnya: Sesuatu yang bersifat mengikut tidak diasingkan hukumnya (daripada hukum sesuatu yang diikutinya).

- 6.3. Apabila aktiviti ini dikategorikan sebagai ijarah maka ia adalah halal dan patuh Syarak pada asasnya. Ini adalah seperti mana di sebutkan di dalam kitab Bughyatul Mustarsyidin Karangan Al Imam Abdul Rahman Bin Muhammad Bin Husain Al Masyhur (Jilid ke 3 ,m.s 244 , cetakan Darul Faqeeh):

يَصِحُّ الْإِسْتِئْجَارُ لِنَمْلُوكِ الْمَبَاحَاتِ كَالْأَصْطِيَادِ وَالْغَوْصِ لِلْأَلْيَاءِ وَغَيْرِهِمَا كَمَا يَجُوزُ التَّوَكُّلُ فِيهَا

“ Maka di benarkan mengupah seseorang dengan bertujuan mendapatkan perkara –perkara yang harus seperti memburu atau memancing dan menyelam untuk mencari mutiara dan sebagainya dan begitu juga harus di wakilkan untuk tujuan tersebut”

Sekalipun nas dan ibarat ini berkenaan إجارة الأعيان أو الأشخاص mengupah seseorang individu untuk melaksanakan pekerjaan akan tetapi di qiaskan atau *takhrij* bagi permasalahan menyewa fasiliti tempat memancing dengan bertujuan memperolehi ikan dan sebagainya .

- 6.4. Dalil bagi ijarah:

Surah al-Talaq (65): 6

أَسْكِنُوهُنَّ مِنْ حَيْثُ سَكَنْتُمْ مِنْ وُجْدِكُمْ وَلَا تُضَارُوهُنَّ لِتُضَيِّقُوا عَلَيْهِنَّ وَإِنْ كُنَّ أُولَاتٍ حَمَلٍ  
فَأَنْفِقُوا عَلَيْهِنَّ حَتَّى يَضَعْنَ حَمْلَهُنَّ فَإِنْ أَرْضَعْنَ لَكُمْ فَآتُوهُنَّ أُجُورَهُنَّ وَأُتْمِرُوا بَيْنَكُمْ بِمَعْرُوفٍ وَإِنْ  
تَعَاسَرْتُمْ فَسَتُرْضِعْ لَهُ أُخْرَى

Maksudnya: Tempatkanlah isteri-isteri (yang menjalani idahnya) itu di tempat kediaman kamu sesuai dengan kemampuan kamu; dan janganlah kamu adakan sesuatu yang menyakiti mereka (di tempat tinggal itu) dengan tujuan hendak menyusahkan kedudukan mereka (supaya mereka keluar meninggalkan tempat itu). Dan jika mereka berkeadaan sedang mengandung, maka berikanlah kepada mereka nafkahnya sehingga mereka melahirkan anak yang dikandungnya; kemudian jika mereka menyusukan anak untuk kamu, maka berikanlah kepada mereka upahnya; dan berundinglah di antara kamu (dalam hal menyusunya) dengan cara yang baik. Dan (sebaliknya) jika kamu (dari kedua pihak) mengalami kesulitan, maka bolehlah perempuan lain menyusukannya.

Surah al-Qasas (28): 26-27

قَالَتْ إِحْدَاهُمَا يَا أَبَتِ اسْتَأْجِرْهُ إِنَّ خَيْرَ مَنِ اسْتَأْجَرْتَ الْقَوِيُّ الْأَمِينُ (26) قَالَ إِنِّي أُرِيدُ أَنْ  
أُنْكَحَكَ إِحْدَى ابْنَتَيَّ هَاتَيْنِ عَلَى أَنْ تَأْجُرَنِي تَمَامِي حِجَجٍ فَإِنْ أَتَمَمْتَ عَشْرًا فَمِنْ عِنْدِكَ  
وَمَا أُرِيدُ أَنْ أَسْأَلَكَ عَلَيْكَ سَتَجِدُنِي إِنْ شَاءَ اللَّهُ مِنَ الصَّالِحِينَ (27)

Maksudnya: Salah seorang di antara perempuan yang berdua itu berkata: "Wahai ayah, ambillah dia menjadi orang upahan (mengembala kambing kita), sesungguhnya sebaik-baik orang yang ayah ambil bekerja ialah orang yang kuat, lagi amanah". Bapa perempuan itu berkata (kepada Musa): "Aku hendak mengahwinkanmu dengan salah seorang dari dua anak perempuanku ini, dengan syarat bahawa engkau bekerja denganku selama delapan tahun; dalam pada itu, jika engkau genapkan menjadi sepuluh tahun, maka yang demikian itu adalah dari kerelaanmu sendiri. Dan (ingatlah) aku tidak bertujuan hendak menyusahkanmu; engkau akan dapati aku Insya Allah, dari orang-orang yang baik layanannya".

Sabda Nabi s.a.w.:

أعطوا الأجير أجره قبل أن يجف عرقه

Maksudnya: Berikanlah pekerja upahnya sebelum peluhnya kering.

(Hadis riwayat Ibn Majah)

روى ابن عباس أن النبي - صلى الله عليه وسلم - احتجم وأعطى الحجام أجره

Maksudnya: Ibn 'Abbas meriwayatkan bahawa Nabi s.a.w. telah berbekam dan baginda s.a.w. memberikan upah kepada pembekam.

(Hadis muttafaq alayh)

6.5. Dalil bagi ju'alah:

خبر الذي رقاہ الصحابي بالفاتحة على قطع

Maksudnya: Khabar tentang sahabat yang menjampi dengan surah al-Fatihah dengan mensyaratkan beberapa ekor kambing sebagai ju'l.

(Hadis muttafaq alayh)

6.6. Dalil larangan perjudian: Surah al-Maidah (5): 90

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ آمَنُوا إِنَّمَا الْخَمْرُ وَالْمَيْسِرُ وَالْأَنْصَابُ وَالْأَزْلَامُ رِجْسٌ مِنْ عَمَلِ الشَّيْطَانِ فَاجْتَنِبُوهُ لَعَلَّكُمْ تُفْلِحُونَ (90) إِنَّمَا يُرِيدُ الشَّيْطَانُ أَنْ يُوقِعَ بَيْنَكُمُ الْعَدَاوَةَ وَالْبَغْضَاءَ فِي الْخَمْرِ وَالْمَيْسِرِ وَيَصُدَّكُمْ عَنْ ذِكْرِ اللَّهِ وَعَنِ الصَّلَاةِ فَهَلْ أَنْتُمْ مُنْتَهُونَ (91)

Maksudnya: Wahai orang-orang yang beriman! Bahawa sesungguhnya arak, dan judi, dan pemujaan berhala, dan mengundi nasib dengan batang-batang anak panah, adalah (semuanya) kotor (keji) dari perbuatan Syaitan. Oleh itu hendaklah kamu menjauhinya supaya kamu berjaya.

Dalil larangan penipuan:

عن أبي هريرة: أن رسول الله مر على صبرة طعام، فأدخل يده فيها، فنالت أصابعه بللاً، فقال: ما هذا يا صاحب الطعام؟، قال: أصابته السماء يا رسول الله! قال: أفلا جعلته فوق الطعام كي يراه الناس، من غش فليس مني

Maksudnya: Daripada Abu Hurayrah bahawa Rasulullah s.a.w. telah melalui satu lambakan makanan lalu baginda s.a.w. memasukkan tangannya ke dalam

makanan itu, maka jari-jarinya merasa basah lalu baginda s.a.w. bersabda: Apakah ini wahai pemilik makanan? Jawabnya: Ia telah terkena air hujan wahai Rasulullah s.a.w. Baginda s.a.w. bersabda: Kenapa kamu tidak letakkannya di bahagian atas makanan supaya orang boleh melihatnya. Sesiapa yang menipu maka dia bukan dalam kalangan aku.

(Hadis riwayat Muslim)

6.7. Hukum hakam pertandingan: Kedapatan nas daripada para ulama bersandarkan kepada beberapa riwayat yang mengharuskan pertarungan berasaskan beberapa situasi:

a. bagi tujuan latihan peperangan termasuk menunggang kuda dan memanah (Al-Husayni, Kifayah al-Akhyar, j. 2, h. 244). Ini adalah berdasarkan beberapa hadis Nabi s.a.w:

سابق بين الخيل التي أضمرت من الحفيا، وكان أمدها من ثنية الوداع، وسابق بين الخيل التي لم تضمر من الثنية إلى مسجد بني زريق

Nabi s.a.w. mengadakan perlumbaan di antara kuda yang dipersiapkan iaitu dari Hafya' dan pengakhirannya daripada Thaniyyah al-Wada' dan baginda s.a.w. mempertandingkan di antara kuda yang tidak dipersiapkan daripada Thaniyyah ke Masjid Bani Zurayq.

(Hadis riwayat Shaykhan)

رهان الخيل طلق (أي حلال)

Bertaruh kuda adalah halal.

(Hadis riwayat Abu Nu'aym, Asma' al-Sahabah)

وقيل لعثمان رضي الله عنه: أكنتم تراهنون على عهد رسول الله صلى الله عليه وسلم؟ قال: نعم.

Dikatakan kepada 'Uthman: Adakah kamu bertaruh pada masa Rasulullah s.a.w.? Dia menjawab: Ya.

(Hadis riwayat Ahmad, al-Darqutni dan al-Bayhaqi)

## قد صارع النبي (ص) ركانة على شياه رواه أبو داود

- b. Apabila ada muhallil (Al-Sharbini, al-Iqna', j.2, h. 246). Ini berdasarkan kepada hadis berikut:

من أدخل فرساً بين فرسين وهو لا يؤمن أن يسبق فليس بقمار، ومن أدخل فرساً بين فرسين وقد أمن أن يسبق فهو قمار

Barangsiapa yang memasukkan seekor kuda di antara dua ekor kuda (dalam pertandingan) dan kuda itu diyakini tidak boleh didahului oleh kedua-dua yang lain maka ia bukanlah qimar dan barangsiapa yang memasukkan seekor kuda di antara dua ekor kuda (dalam pertandingan) dan tidak diyakini dapat mendahului yang lain, maka itu adalah *qimar*.

(Riwayat Ahmad, Ibn Majah dan Abu Dawud)

Di nyatakan dengan terperinci berhubung dengan Muhallil (Pihak ketiga yang menyumbang) oleh al Imam An Nawawi dalam kitabnya Raudhatut Tolibin (Juzuk 7 , m.s 76 cetakan Darul Faiha' ) :

الشرط الرابع : أن يكون فيهم مُحَلِّلٌ، ومالُ المسابقة قد يخرجهُ المتسابقان، أو أحدهما أو غيرهما.

الحالة الأولى : أن يخرجهُ غيرهُما، فيجوزُ للامام أن يخرج المالَ من خاصِّ نفسه، ومن بيت المال، لما فيه من التحريض على تعلم الفروسية، وإعداد أسباب القتال، ويجوزُ للواجد من الرعية إخراجهُ من مال نفسه، لانه بدلُ مالٍ في طاعة، ويثاب عليه إذا نوى، وسواءً تسابقَ اثنان أو أكثر، ومن سيق، أخذَ المال.

الحالة الثانية : أن يخرجهُ أحدهما، ويشترط أنه إن سيقَ أحرزهُ ولا شئَ له على الآخر، وإن سيقَ الآخر، أخذهُ، فيجوزُ،

ولو تسابقَ أكثرُ من اثنين، وأخرجه اثنان فصاعداً، وشرطوا أن من سبقَ من المُخرجين لم يُحرزْ إلا ما أخرجهُ، ومن سبقَ من غيرهم، أخذَ ما أخرجهُ المُخرجون، جاز أيضاً.

الثالثة: أن يخرجهُ المتسابقان، فيقول كُلُّ واحدٍ: إن سبقتك، فلي عليك كذا، وإن سبقتني، فلك عليّ كذا، فهذا لا يجوزُ، لانه صورةُ قمارٍ إلا أن يُدخلا بينهما مُحَلِّلاً وهو ثالثٌ يشاركهُما في المسابقة على أنه إن سبقَ أخذَ ما شرطاه، وإن سبقَ، فلا شئَ عليه، فيجوزُ لانه يُخرُجُ عن صورةِ القمار

“ Syarat Keempat : di perlukan dalam sesuatu pertandingan itu Muhallil (Pihak Ketiga) . maka pertaruhan yang di letakkan dalam pertandingan itu samada di sumbangkan oleh kedua dua peserta atau salah seorang daripada mereka atau selain daripada peserta tersebut :

***Keadaan Pertama*** : Pertaruhan itu di sumbangkan oleh selain dari peserta (pihak ketiga) . Pihak pemerintah boleh menyediakan pertaruhan itu samada dari hartanya sendiri mahupun dari harta baitul mal . kerana perbuatan ini dapat memberikan semangat kepada peserta untuk mempelajari teknik peperangan dan persiapan diri dalam pertempuran . dan harus juga mana-mana daripada rakyat yang lain menyediakan hadiah atau pertaruhan daripada hartanya sendiri kerana ia boleh juga di anggap menyumbangkan harta ke jalan ketaatan. Malah di berikan pahala jika di niatkan dengan ikhlas. Dan samada kedua dua peserta itu berjaya ataupun lebih daripada dua orang . dan sesiapa yang berjaya maka dia berhak mengambil pertaruhan dan hadiah tersebut .

***Keadaan Kedua*** : Hadiah bagi pertandingan itu di sumbangkan oleh salah seorang dari peserta dan di letakkan syarat iaitu jika peserta yang meletakkan pertaruhan itu berjaya maka dia boleh mengambil hadiah tersebut dan tiada sebarang tuntutan hadiah mahupun pertaruhan ke atas peserta lain (yang kalah) dan sebaliknya jika peserta lain memenangnya maka dia berhak mengambil wang pertaruhan tersebut maka dalam hal ini adalah di haruskan.

Dan jika menyertai pertandingan itu lebih dari dua peserta dan pertaruhan hadiah itu di sumbangkan lebih dari dua orang peserta lalu mereka meletakkan syarat bahawa sesiapa yang memenangi pertandingan itu daripada kalangan peserta yang menyumbang maka dia hanya mendapat hadiah mengikut kadar sumbangannya sahaja dan begitu juga jika sesiapa daripada selain mereka memenangnya, hanya hadiah dan pertaruhan mengikut kadar sumbangan mereka sahaja boleh menjadi milik mereka. Maka pertandingan sebegini juga adalah harus.

**Keadaan ketiga :** hadiah itu di sumbangkan oleh kedua dua peserta pertandingan , maka berkata salah seorang dari mereka kepada peserta yang lain : “ *jika aku dapat mengalahkan kamu , maka kamu perlu memberikan padaku sekian hadiah , dan jika kamu pula dapat mengalahkan aku maka aku berikan kamu hadiah berupa sekian*” maka pertandingan ini adalah tidak di haruskan (haram) kerana hakikatnya ia adalah berbentuk perjudian melainkan di sertai di antara peserta itu Muhallil iaitu pihak ketiga yang menyumbangkan hadiah dan pertaruhan yang jika peserta itu memenangnya maka barulah mereka berhak untuk mendapatkan hadiah tersebut dan sesiapa yang kalah maka dia tidak mendapat apa –apa dari hadiah tersebut maka ini di haruskan kerana telah keluar dari bentuk perjudian “

## 7. PENUTUP

Garis panduan ini diharapkan dapat diikuti oleh pihak-pihak yang terlibat dalam aktiviti kolam pancing ikan berbayar samada penyedia perkhidmatan kolam pancing, pelanggan yang datang memancing atau pihak lain yang memberi hadiah atau terlibat dalam sebarang pertandingan yang dianjurkan.

## RUJUKAN :

Al-Suyuti, (1990) Ashbah wa al-Naza'ir. Beirut: Dar al-Kutub al-Ilmiyyah.

JAKIM

Azman Abd Rahman, (2007) Pertandingan Kontemporari, Nilai: Penerbit KUIM

Temuramah Abdul Hadi.

Qal'ahji, Mujam Luhghah al-Fuqaha',

Al-Sharbini, Iqna', Maktabah Shamilah

Al-Husayni, Kifayah al-Akhyar, Maktabah Shamilah.

An-Nawawi , Raudhatul Tolibin , Cetakan Darul Faiha'

Al Masyhur , Bughyatul Mustarsyidin , cetakan Darul Faqeeh.